

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH
[KALABAKAN]**

TARIKH : 23 MAC 2015

RUJUKAN : 7539

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

(a) apakah Kementerian maklum bahawa dadah jenis syabu sudah masuk ke dalam pelosok kampung di negara ini khususnya dalam kawasan Kalabakan; dan

(b) jika sedar, apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil untuk membanteras secara total gejala yang amat memudaratkan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan pihak PDRM memandang serius tentang masalah penyalahgunaan dadah yang menunjukkan peningkatan terutamanya dadah sintetik termasuk syabu. Masalah ini membelenggu seluruh negara tanpa mengira kawasan bandar mahupun kawasan pedalaman termasuk di Kalabakan, Sabah.

Pengambilan dadah syabu menjadi pilihan kepada penagih dadah kononnya mereka akan merasakan lebih bertenaga, bersemangat dan beremosi kerana dadah ini adalah dadah perangsang. Penyalahgunaan secara berterusan akan mengakibatkan kesan khayal atau halusinasi. Dadah ini memudaratkan tubuh dan mengakibatkan pelbagai komplikasi kesihatan serta mampu mendatangkan maut.

Penyalahgunaan dadah syabu dalam negara mula dikesan di negeri Sabah pada tahun 1992. Warga Filipina yang bekerja sebagai buruh binaan dan nelayan di pantai timur Sabah telah membawa masuk dadah tersebut dari Filipina. Rampasan dadah syabu oleh PDRM mula menunjukkan peningkatan ketara bermula sekitar penghujung tahun 1990an.

Bagi menjawab soalan (b), Kementerian telah merancang dan melaksanakan strategi untuk membanteras bekalan dan permintaan dadah dalam negara iaitu:-

- i) Mempertingkatkan pengumpulan maklumat risikan untuk membanteras sindiket pengedaran dadah yang berprofil tinggi;**
- ii) Mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan/ operasi yang memberi impak tinggi dan tangkapan berkualiti (sindiket pengedaran dadah dan makmal haram memproses dadah);**
- iii) Memfokuskan tindakan penguatkuasaan dan pencegahan ke atas '*addict cum pusher*' untuk membanteras permintaan dadah;**
- iv) Mempertingkatkan dan memperluaskan lagi jaringan kerjasama dengan agensi antidadah di peringkat antarabangsa dengan bertukar dan berkongsi maklumat risikan untuk membanteras penyeludupan dadah masuk atau keluar negara;**
- v) Mempertingkatkan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan tempatan seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK), Agensi**

Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan lain-lain agensi dengan berkongsi maklumat risikan dan melaksanakan operasi secara bersama;

vi) Memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan di pintu-pintu masuk negara (lapangan terbang antarabangsa, pintu sempadan, pelabuhan dan perairan). Di samping itu, agensi-agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri yang ada turut menjalinkan kerjasama dengan pihak MAHB dan pihak keselamatan pelabuhan; dan

vii) Menubuhkan *Narcotics Border Suppression Unit* (NBSU) dan Unit Teknikal Imbasan Kenderaan (UTIK) sebagai satu langkah untuk memperkasakan tindakan penguatkuasaan membanteras penyeludupan dadah di sempadan negara. Unit ini akan diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, PDRM.